



KERAJAAN MALAYSIA

IKLAN PRA KELAYAKAN KONTRAKTOR

1. Kerajaan Malaysia berhasrat mempelawa tender dari kontraktor-kontraktor yang layak melalui Pra Kelayakan untuk Projek Pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat Di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah.

2. Keterangan Am Kerja

Lokasi tapak bina terletak di sebahagian kawasan di dalam Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah.

Skop kerja bagi projek ini merangkumi:

- 2.1 Mencadangkan, merekabentuk dan melaksanakan kerja-kerja pembinaan tempat letak kereta bertingkat daripada teknologi *Industrial Building System (IBS) / prefabricated steel structure* dengan ketinggian tidak melebihi empat (4) tingkat (termasuk *ground floor*) termasuk mendapat kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta kerja-kerja lain yang berkaitan.

Kerja dijangka akan dimulakan pada bulan Julai tahun 2023 dan tempoh penyiapan adalah 18 bulan.

3. Syarat-syarat untuk Pra-Kelayakan

Permohonan Pra Kelayakan ini adalah dibuka kepada kontraktor-kontraktor yang menepati syarat-syarat berikut: -

i) **Pendaftaran Kontraktor**

a) Jenis Syarikat – T1 (Syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan)

b) Mempunyai pendaftaran seperti berikut:-

- i) Pendaftaran yang sah dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), **dan**
- ii) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang sah dengan CIDB dalam Gred G7, Kategori B02 dan CE21 atau;
- iii) Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (UPKJ) dalam Kelas A, Kepala II Sub Kepala 1(c) dan kepala III Sub-Kepala 1&2 dan Kepala IV Sub-Kepala 2 atau;
- iv) Pusat Pendaftaran Kontraktor-kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) dalam Kelas A di bawah **Tajuk I Tajuk Kecil 1 dan Tajuk II Tajuk Kecil 5.**

c) Bertaraf Bumiputera berdaftar dengan Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU).

d) Kontraktor berdaftar yang telah digantung oleh CIDB/ PUKONSA/ UPKJ/ BPKU **TIDAK LAYAK** untuk menyertai Pra Kelayakan ini.

e) Kontraktor yang dipilih hendaklah mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan SPKK dan Sijil Taraf Bumiputera STB (jika berkaitan) yang masih berkuat kuasa pada tarikh tutup tender terbuka melalui Pra-Kelayakan atau tender terhad dan sekurang-kurangnya melebihi 3 bulan dari tarikh tutup Pra-Kelayakan.

ii) **Keupayaan Kontraktor**

(a) **Keupayaan Kewangan**

Mempunyai **net worth** melebihi RM2,000,000.00 atau Modal Pusingan (*Working Capital*) melebihi RM1,000,000.00 atau Modal Mudah Cair melebihi RM300,000.00.

(b) **Keupayaan Teknikal**

- Kriteria Kontraktor yang dipilih hendaklah mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja (NTKK) tertinggi yang telah disiapkan di dalam tempoh 5 tahun lepas hendaklah melebihi 30% dari Nilai Tahunan Keseluruhan Kerja iaitu sebanyak RM3,000,000.00 (30% X NTKB).
- Kontraktor hendaklah mempunyai pengalaman yang mencukupi iaitu serupa atau sebanding dengan skop kerja di dalam tempoh lima (5) tahun iaitu serta berpengalaman sebagai Kontraktor Utama dan melaksana dan menyiapkan projek kerajaan. Namun begitu, bagi kerja-kerja pakar, pengalaman sebagai sub-kontraktor bagi projek Kerajaan boleh diambil kira.
- Kontraktor tidak mempunyai kerja semasa yang 'sakit' serta bebas daripada rekod prestasi yang tidak memuaskan dari segi tempoh penyiapan projek serta kualiti kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dalam tempoh lima (5) tahun lalu adalah memuaskan.
- Kontraktor yang mempunyai pengalaman dalam melaksanakan kerja-kerja berkaitan pembinaan bangunan/tempat letak kereta yang menggunakan kerangka keluli adalah diberi keutamaan.

***Serupa** – Kerja yang diliputi oleh kategori yang sama seperti kerja yang ditender (kepala/sub kepala yang sama)

iii) **Perunding Kontraktor**

Kontraktor dikehendaki melantik perunding-perunding yang bertaullah dan merupakan perunding bebas (*independent and not inhouse consultants*) seperti berikut :

- Berdaftar dengan Lembaga Profesional yang berkenaan, dan
- Berdaftar dengan Kementerian Kewangan, dan
- Berpengalaman dalam rekabentuk berkaitan pembinaan bangunan/tempat letak kereta yang menggunakan kerangka keluli adalah diberi keutamaan.

4. Dokumen Pra Kelayakan boleh diperolehl di pejabat Kaunter Tender dan Sebut Harga, Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya dari 28 Disember 2022 hingga 20 Januari 2023 semasa waktu pejabat.

Dokumen Pra Kelayakan akan hanya dikeluarkan kepada wakil atau ejen kontraktor yang diberi kuasa sahaja. Wakil atau ejen dikehendaki mengemukakan bukti pendaftaran CIDB dengan menunjukkan sijil/perakuan pendaftaran **ASAL**.

5. Harga dokumen ialah **RM50.00** (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) senaskhah dan hendaklah di buat dalam bentuk Kiriman Wang atau Draf Bank di atas nama **Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia** dipalang 'Akaun Pembayar Sahaja'. Yuran dokumentasi ini tidak akan dikembalikan.
6. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam sampul surat berlakri dengan dinyatakan nama projek dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di pejabat berikut:-
Kaunter Tender dan Sebut Harga, Bahagian Perolehan dan Penswastaan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya tidak lewat dari jam 12.00 tengahari pada **20 Januari 2023**.